

## **BID‘AH DAN AL-TARK DALAM HUKUM ISLAM: SATU PENELITIAN AWAL**

### ***Bid‘ah and al-Tark in Islamic Law: A Preliminary Study***

**Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar<sup>1</sup>  
Saadan Man<sup>2</sup>  
Mohd Hafiz Jamaludin<sup>3</sup>**

#### **ABSTRACT**

*The issue of bid‘ah has been a subject of polemic amongst Muslims in Malaysia for a long time. Generally, there are two main schools in interpreting the meaning of bid‘ah. Some scholars view that there are two sides of interpretation as to the meaning of bid‘ah, namely ḥasanah and ḍalālah. While some other scholars are of the view that there is no place for bid‘ah in Islamic law especially in matters pertaining to worship. These scholars are of the opinion that every bid‘ah is ḍalālah. Bid‘ah is literally defined as an act which never done by Prophet Muhammad SAW. In this context, it is similar with the meaning of al-tark. This paper attempts to explore and analyze the differences and similarities between the*

---

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, syedjeffri89@gmail.com

<sup>2</sup> Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, saadan@um.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, hafiz\_usul@um.edu.my

meaning of *bid'ah* and *al-tark* in Islamic law. The data collection of this qualitative study is mainly based on the library research. These data are deductively and inductively analyzed from selected examples. Among the findings of this study is that, there are significant differences between *bid'ah* and *al-tark*. *Al-Tark* is general in nature and it is not accepted as a source on Islamic law, while *bid'ah dalālah* is illegal and forbidden to be practised by Muslims.

**Keywords:** *bid'ah*, *al-tark*, Islamic law, *ḥalāl*, *ḥarām*, *uṣūl al-fiqh*

## PENDAHULUAN

Al-Quran dan Sunnah merupakan dua sumber yang disepakati sebagai sumber perundangan hukum Islam. Setiap permasalahan yang berlaku di dalam Islam mesti merujuk kepada kedua-duanya atau salah satu daripada kedua-duanya. Hal ini jelas berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِي الْاَمْرِ مِنْكُمْ فَاِنْ نَنْزَعْنٰمْ فِى شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ﴿٥٩﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah al-Nisā', 4: 59)

Daripada dua sumber hukum ini, para ulama usul fiqh telah mengembangkan sumber-sumber hukum Islam yang lain terdiri daripada sumber yang disepakati seperti *ijmā'* dan *qiyās*, dan sumber yang tidak disepakati seperti *istiḥsān*, *istiḥāb*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i'* dan lain-lain. Hasil daripada penggunaan sumber hukum ini telah menghasilkan hukum *taklifi* bagi setiap perbuatan mukalaf sama ada di dalam bidang akidah, ibadat, muamalat, akhlak, adab dan sebagainya.

Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, terdapat satu gerakan untuk memecah belah kesatuan umat Islam dengan mengatakan setiap perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW merupakan perkara yang dikeji. Mereka mendakwa setiap perkara baharu yang berlaku di dalam agama Islam adalah ditolak, tanpa melihat kepada asas-asas penentuan hukum yang telah digariskan oleh para ulama usul fiqh.

Keadaan ini lebih berat lagi apabila wujud budaya label melabel antara satu sama lain dalam kalangan umat Islam. Bahkan, terdapat pihak tertentu yang mengkafirkan golongan yang tidak sependapat dengan mereka dengan tuduhan syirik, sesat, ahli *bid'ah* dan sebagainya. Tindakan seperti ini sangat bertentangan dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim:

أَيُّ أَمْرٍ قَالَ لِأَخِيهِ كَافِرٌ فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا إِنْ كَانَ كَمَا قَالَ وَإِلَّا رَجَعْتَ عَلَيْهِ

*“Barangsiapa yang mengatakan kepada saudaranya ‘kafir’, maka pengkafiran itu pasti menimpa kepada salah seorang daripada keduanya. Jika orang yang dikafirkan itu memang kafir, maka dia kafir. Jika orang yang dikafirkan tidak kafir, maka kekafiran itu akan kembali menimpa kepada orang yang mengkafirkan.”*<sup>4</sup>

Kekeliruan dan perbalahan ini berlaku berkemungkinan disebabkan beberapa faktor berikut:

- a) Cubaan dari jarum musuh Islam untuk memecahbelahkan kesatuan umat Islam melalui perkara *khilāfiyyah*.
- b) Kekeliruan di dalam memahami hukum bagi perkara-perkara yang baharu yang tidak terdapat dalam nas *ṣarīḥ* daripada al-Quran dan Sunnah.
- c) Kegagalan memahami instrumen *ijtihād* di dalam hukum Islam.
- d) Budaya *copy-paste* hukum dari timur tengah tanpa melihat kebudayaan masyarakat setempat.

Di dalam menjelaskan perbincangan ini, terdapat dua istilah yang merujuk kepada sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu *bid'ah* dan *al-tark*. Kedua-dua istilah ini merujuk kepada perkara yang ditinggalkan atau tidak dilakukan oleh Rasulullah. Istilah *bid'ah* seringkali digunakan untuk menghukum setiap amalan yang tidak terdapat dalam al-Quran dan Sunnah sebagai sesat berdasarkan hadis yang masyhur berkenaan isu *bid'ah* ini.

<sup>4</sup> Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2010), 79, Bāb Bayān Ḥāl Imān man Qāla li Akhīhi al-Muslim Ya Kāfir, no. hadis 26.

Manakala *al-tark* pula merujuk kepada sesuatu perkara yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sama ada mempunyai tujuan yang tertentu ataupun sebaliknya.

Kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan kemurnian hukum Islam yang sentiasa meraikan kemaslahatan manusia dengan menjadikan neraca syarak sebagai penapis dan bukan menghapuskan amalan tersebut secara menyeluruh. Ini sekali gus dapat menangkis kekeliruan dalam memahami konsep hukum Islam dan juga kecelaruan di dalam memahami istilah *bid'ah* dan *al-tark* dalam kalangan masyarakat.

## PENGERTIAN *BID'AH* DALAM HUKUM ISLAM

### 1. Bahasa

*Bid'ah* merupakan perkataan dari Bahasa Arab iaitu بدعة yang berasal dari perkataan بدع yang membawa makna sesuatu yang menjadi permulaan.<sup>5</sup> Dari segi bahasa, بدعة membawa maksud perkara baru yang berlaku di dalam agama dan selain agama.<sup>6</sup> Perkataan ini juga dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran, sepertimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

قُلْ مَا كُنْتُ بِدْعًا مِنَ الرُّسُلِ وَمَا أَدْرِي مَا يُفْعَلُ بِي وَلَا بِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَيَّ وَمَا أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad SAW): Bukanlah aku seorang Rasul pembawa agama yang berlainan dari agama yang dibawa oleh Rasul-rasul (yang telah lalu) dan aku tidak mengetahui apa yang akan dilakukan kepadaku dan kepada kamu. Aku tidak melakukan sesuatu melainkan menurut apa yang diwahyukan kepadaku dan aku tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata.”

(Surah al-Aḥqāf, 46: 9)

Ayat ini ditafsirkan dengan ungkapan berikut:

أي لست بأول رسول بعث إلى الناس، بل قد جاءت الرسل من قبل، فما أنا بالأمر الذي لا نظير له حتى تستنكروني

<sup>5</sup> Majd al-Dīn Muḥammad Ibn Ya‘qūb al-Fīrūzabādī, *al-Qamūs al-Muḥīṭ* (Qāhīrah: Dār al-Ḥadīth, 2008), 103.

<sup>6</sup> T.p., *al-Mu‘jam al-Wāṣiṭ* (Qāhīrah: Jumhūriyyah Miṣr al-‘Arabiyyah, 2010), 44.

“Bukanlah aku merupakan rasul yang pertama sekali diutuskan kepada manusia. Bahkan telah datang para rasul sebelum ini. Justeru, bukanlah urusan agama yang dibawa oleh aku ini merupakan sesuatu yang asing sehingga kamu mengingkarinya.”<sup>7</sup>

Dapat difahami dari tafsir di atas, perkataan “بدعا” yang terdapat di dalam Surah al-Aḥqāf tersebut menunjukkan kepada makna permulaan bagi sesuatu perkara. Dalam ayat lain pula Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ابْتِغَاءَ رِضْوَانِ اللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا فَآتَيْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْهُمْ أَجْرَهُمْ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَسِقُونَ ﴿٢٧﴾

“Dan (perbuatan mereka beribadat secara) *Rahbaniyyah*<sup>8</sup> merekalah sahaja yang mengada-adakannya, Kami tidak mewajibkannya atas mereka: (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredaan Allah: dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajibnya. Oleh itu, orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad) di antara mereka, kami berikan pahalanya dan (sebaliknya) banyak di antara mereka yang fasik-derhaka.”

(Surah al-Ḥadīd, 57: 27)

Mengada-adakan yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah mengadakan suatu cara peribadatan baru yang tidak disyariatkan. Perkataan *bid'ah* juga menunjukkan sesuatu yang agung berdasarkan firman Allah SWT:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ، كُنْ فَيَكُونُ ﴿١٧﴾

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya) dan apabila ia berkehendak (untuk menjadikan) sesuatu, maka ia hanya berfirman kepadanya: jadilah engkau, lalu menjadilah ia.”

(Surah al-Baqarah, 2: 117)

<sup>7</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, vol. 8 (Kuwait: Wizārah al-Awqāf, 1986), 21.

<sup>8</sup> Beribadat secara *Rahbaniyyah* yang dimaksudkan ialah seperti bertapa di tempat-tempat yang terpencil, mengharamkan dirinya daripada berkahwin dan menjauhi kemewahan hidup. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* (Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd, 2010), 1472.

Perkataan “بدیع” dalam ayat ini pula menunjukkan bahawa ia merupakan sebahagian dari nama dan sifat Allah SWT yang memberi maksud mencipta sesuatu yang baru tanpa ada contoh sebelumnya.<sup>9</sup> Dalam konteks ayat ini, perkataan “بدیع” merujuk kepada penciptaan langit dan bumi yang diciptakan oleh Allah SWT tanpa ada penciptaan yang sama sebelumnya dan ia juga merupakan suatu penciptaan yang agung.<sup>10</sup>

Justeru, perkataan *bid'ah* dari segi bahasa menunjukkan sesuatu perkara baharu yang tiada contoh sebelumnya. Ia bersifat umum yang merangkumi semua perkara yang tidak wujud pada zaman Nabi SAW, sama ada perkara baik atau buruk. Penggunaan perkataan *bid'ah* dari segi bahasa juga melibatkan semua aspek kehidupan seperti pembangunan, pengangkutan dan sebagainya.<sup>11</sup>

## 2. Istilah

Fuqaha telah berselisih pendapat dalam memberi takrifan *bid'ah* dari segi istilah. Terdapat pelbagai takrifan yang diberikan. Secara amnya takrifan ini boleh dirumuskan kepada dua kelompok utama yang berselisih pendapat dalam mendefinisikan *bid'ah* sebagaimana berikut:

Kelompok pertama adalah mereka yang menyatakan bahawa setiap perkara baharu yang berlaku selepas zaman Rasulullah SAW adalah *bid'ah*. Ia termasuk perkara yang dikeji dan juga perkara yang terpuji. Pendapat ini merupakan pandangan jumah yang diwakili oleh sebahagian besar fuqaha antaranya al-Shāfi'ī, al-Nawawī,<sup>12</sup> Abū Şamah,<sup>13</sup> Ibn 'Abd al-Salām,<sup>14</sup> al-Suyūfī,<sup>15</sup> Ibn Hajar

<sup>9</sup> Muḥammad Ibn Mukarram al-Ifriqī Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, vol. 8 (Bayrūt: Dār al-Şādir, 1300), 6.

<sup>10</sup> Muḥammad Sulayman 'Abd Allāh al-Ashqār, *Zubdah al-Tafsīr min Faṭḥ al-Qādir* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1988), 23.

<sup>11</sup> Naziḥ Maḥmūd 'Afwan Maḥmūd, 'Ḍawābiḥ wa Qawā'iduha al-Uṣūliyyah wa al-Fiqhiyyah' (Disertasi Sarjana, Jami'ah al-Najah al-Waṭaniyyah, 2009), 10.

<sup>12</sup> Abū Zakariya Muḥy al-Dīn al-Nawawī, *Tadhīb al-Asmā' wa al-Lughat*, vol. 3 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 22.

<sup>13</sup> Shihāb al-Dīn Abū Şamah, *al-Bā'ith 'ala Inkar al-Bidā' wa al-Ḥawādith* (Mekah: Nahḍah al-Ḥadīthah, 1981), 22.

<sup>14</sup> 'Izz al-Dīn Ibn 'Abd al-Salām, *al-Qawā'id al-Kubrā* vol. 2 (Dimashq: Dār al-Qalam, 2010), 337.

<sup>15</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūfī, *al-Amr bi al-Ittibā' wa Nahy 'an al-Ibtidā'* (Bayrūt: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 1988), 26.

al-'Asqalānī,<sup>16</sup> al-Qarrafi,<sup>17</sup> al-Zarqanī,<sup>18</sup> Ibn Jawzī,<sup>19</sup> Ibn 'Abidīn,<sup>20</sup> Ibn Rajab,<sup>21</sup> dan Ibn Ḥazm.<sup>22</sup>

Al-Shāfi'ī pernah menyatakan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dalam kitabnya:

البدعة بدعتان: محمودة ومذمومة، فما وافق السنة فهو محمود وما خالفها  
فهو مذموم

*“Bid'ah terbahagi kepada dua: yang terpuji dan yang dicela, sesuatu yang selari dengan sunnah maka ia adalah terpuji, manakala yang bercanggah dengan sunnah ia adalah dicela.”*<sup>23</sup>

Al-Shāfi'ī menjelaskan lagi bahawa perkara baharu yang berlaku boleh dibahagikan kepada dua bahagian sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī:

المحدثات من الأمور ضربان: ما أحدث يخالف كتابا أو سنة أو أثرا أو إجماعا، فهذه بدعة ضلالة. وما أحدث من الخير لا خلاف لواحد من هذا، فهذه محدثة غير مذمومة

*“Perkara-perkara baharu yang berlaku terbahagi kepada dua: sesuatu yang bertentangan dengan al-Quran, sunnah, athar atau ijma'. Maka perkara ini adalah bid'ah ḍalālah. Manakala*

<sup>16</sup> Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 4 (Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, 2000), 5253.

<sup>17</sup> Aḥmad Ibn Idrīs Shihāb al-Dīn al-Qarrāfī, *al-Furūq*, vol. 4 (Qāhirah: Dār al-Salām, 2001), 1333.

<sup>18</sup> Muḥammad al-Zarqanī, *Sharḥ al-Muwattā' al-Imām Mālik*, vol. 2 (t.t.: Maṭba'ah al-Khayriyyah, t.t.), 214.

<sup>19</sup> Al-Jawzī, Abū Farḥ 'Abd al-Raḥmān, *Talbis Iblis* (Bayrūt: Dār Qalam, 1403H), 18.

<sup>20</sup> Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Muḥtār 'ala al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992), 560.

<sup>21</sup> 'Abd al-Raḥmān bin Shihāb al-Dīn, *Jami' al-'Ulūm wa al-Ḥikām* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2008), 596.

<sup>22</sup> 'Alī Ibn Aḥmad Ḥazm al-Zāhirī, *Rasā'il Ibn Ḥazm al-Andalusī*, vol. 4 (Bayrūt: Mu'assasah al-'Arabiyyah, 1983), 410.

<sup>23</sup> Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 4, 5253.

*sesuatu perkara kebaikan yang tidak diperselisihkan oleh para ulama pula adalah perkara baru yang tidak dicela.”*<sup>24</sup>

Pengertian ini adalah bertepatan dengan *athar* daripada Saidina ‘Umar al-Khattāb RA mengenai anjuran untuk menghidupkan malam Ramadan dengan solat tarawih secara berjamaah, beliau berkata sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi:

نعمة البدعة هذه

“Sebaik-baik *bid‘ah* adalah ini..”<sup>25</sup>

Pernyataan ini juga disokong oleh hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan seperti berikut:

من سنّ سنة خيرة فاتبع عليها فله أجره ومثل أجور من اتبعه غير منقوص من أجورهم شيئاً، ومن سنّ سنة شرّ فاتبع عليها كان عليه وزره ومثل أوزار من اتبعه غير منقوص من أوزارهم شيئاً

“Barangsiapa yang mempelopori sunnah yang baik kemudian diikuti sunnah tersebut, maka dia mendapat pahalanya dan pahala orang yang mengikutinya tanpa mengurangkan sedikit pun pahala-pahala mereka. Sesiapa yang mempelopori sunnah yang buruk lalu sunnah itu diikuti orang, maka dia menanggung dosanya dan dosa-dosa orang yang mengikutinya tanpa mengurangkan sedikitpun dosa-dosa mereka.”<sup>26</sup>

Lafaz “سنّ”, yang menjadi dasar bagi perkataan “sunnah”, di dalam hadis ini menunjukkan makna memulai sesuatu perkara yang baru. Oleh itu, hadis ini jelas menunjukkan bahawa sunnah boleh dibahagikan kepada dua iaitu sunnah yang baik dan sunnah yang buruk. Perkataan *bid‘ah* pula merupakan antonim bagi sunnah di dalam sesetengah hadis yang lain. Selain itu, sunnah dengan maksud ini juga boleh dibahagikan kepada dua iaitu *ḥasanah* dan *dalālah*. Lanjutan daripada pernyataan ini terdapat sebahagian fuqaha yang

<sup>24</sup> Ahmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Manāqib al-Shāfi‘ī*, vol. 1 (Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.), 469.

<sup>25</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī dalam *Bāb Fadl Man Qama Ramadhan*, no. hadis 2010. Lihat Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 3 (t.t.: Dār Tūq al-Najāt, 1422), 45.

<sup>26</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī dalam *Bāb Man ja‘a fi man da‘a ila al-huda*, no. hadis 2675. Beliau mengatakan hadis ini *hasan sahih*. Lihat Muḥammad Ibn Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 5 (Miṣr: Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1975), 43.



membahagikan *bid'ah* kepada hukum lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Kelompok kedua yang dipelopori oleh al-Shāṭibī dan disokong sebahagian ulama kotemporari menyatakan setiap *bid'ah* dari segi pengertian syarak membawa maksud perkara yang dicela. Al-Shāṭibī ketika mendefinisikan *bid'ah*, beliau menyatakan bahawa setiap *bid'ah* adalah sesat. Beliau menyebut juga bahawa:

طريقة في الدين مخترة تضاهي الشرعية يقصد بالسلوك عليها المبالغة في  
التعبد الله سبحانه

“Jalan yang direka di dalam agama, yang menyerupai syariat dengan tujuan mengamalkannya untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.”<sup>27</sup>

Kelompok yang kedua ini telah menyandarkan pandangan mereka berkenaan takrif *bid'ah* berasaskan kepada hujah-hujah berikut:

وكل بدعة ضلالة

“Setiap *bid'ah* itu sesat..”<sup>28</sup>

Menurut golongan ini, hadis di atas bersifat umum, merangkumi semua perkara *bid'ah* dan kemudian dikhususkan lagi dengan hadis daripada Aisyah RA yang mengisyaratkan *bid'ah* tersebut hanya berlaku di dalam permasalahan agama:

عن أم المؤمنين أم عبد الله عائشة رضي الله عنها قالت: قال رسول الله  
صلى الله عليه وسلم: من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو ردّ. وفي  
رواية لمسلم: من عمل عملا ليس عليه أمرنا فهو ردّ.

“Daripada Aisyah RA berkara: Rasulullah SAW bersabda:  
“Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara yang dalam

<sup>27</sup> Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Nahmī al-Shaṭībī, *al-I'tiṣām* (Bayrūt: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2005), 30.

<sup>28</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, *Kitab Sunnah, Bāb Fi Luzum al-Sunnah*, no. hadis 4607. Hadis riwayat al-Tirmidhī, *Bāb Ma Ja'a Fi Akhāzī bi al-Sunnah wa al-Ijtināb al-Bida'*, no. hadis 2676, al-Tirmidhī mengatakan hadis ini hasan. Lihat Abī Dāwūd Sulaymān Ibn al-Ash'ath al-Sijistānī al-'Azdī, *Sunan Abī Dāwūd*, vol. 4 (Bayrūt: Maktabah al-'Asriyyah, t.t.), 200; Muḥammad Ibn Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 5, 44.

*urusan ini (agama Islam) yang bukan darinya, maka ia tertolak.<sup>29</sup> Manakala dalam riwayat Muslim menyatakan sesiapa yang beramal dengan amalan yang bukan urusan kami, maka ia tertolak.”<sup>30</sup>*

Kesimpulannya, kedua-dua kelompok ini mempunyai sandaran dalam mendefinisikan *bid'ah* menurut syarak. Jika dilihat secara zahir, takrifan yang dinyatakan kelompok kedua lebih berpegang kepada zahir lafaz hadis Nabi SAW yang menyatakan “setiap *bid'ah* itu sesat” tanpa sebarang perincian. Ibn Hajar al-‘Asqalānī menyatakan perkara yang dimaksudkan dengan hadis “setiap *bid'ah* itu sesat” adalah sesuatu perkara yang baharu dan tidak mempunyai sandaran dalil daripada syarak sama ada daripada dalil *khas* dan *'am*.<sup>31</sup> Ini bermaksud, sekiranya sesuatu perkara itu terdapat sandaran, sama ada dari dalil *khas* atau *am*, ia tidak boleh dikategorikan sebagai *bid'ah*. Secara amnya, *bid'ah* merupakan sesuatu perkara yang tidak disyariatkan oleh Allah dan RasulNya dan tidak mempunyai suruhan, baik berbentuk wajib atau sunat. Sekiranya terdapat anjuran melakukannya dan terdapat dalil syarak yang mendokong anjuran tersebut, maka hal itu termasuk sebahagian dari agama, meskipun terdapat perselisihan antara ulama dalam perkara tersebut dan sama ada perkara tersebut pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW atau tidak.<sup>32</sup>

## PEMURNIAN PANDANGAN ANTARA DUA ALIRAN

Penulis berpandangan bahawa kedua-dua pandangan ini boleh dimurnikan bagi mendapat sesuatu kepastian mengenai istilah *bid'ah*. Sesuatu yang diakui oleh kedua-dua belah pihak adalah berkenaan kesahihan hadis Nabi SAW yang mengatakan setiap *bid'ah* itu adalah sesat. Kedua-dua golongan juga bersepakat bahawa penggunaan lafaz *bid'ah* dari segi bahasa adalah merangkumi semua perkara yang tidak berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan ia merangkumi setiap perkara baik atau buruk.

Justeru itu, apabila berlaku sesuatu perkara yang baharu di dalam sesebuah masyarakat dan ia tidak pernah wujud ketika zaman Rasulullah SAW, maka ia wajar digelar sebagai *bid'ah* kerana ia merupakan perkara baharu. Pengertian

<sup>29</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, *Bāb al-Sulḥ*, no. hadis 2697. Lihat Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 3, 184.

<sup>30</sup> Hadis riwayat Muslim, *Bāb Naqdī al-Aḥkām al-Bāṭilah*, no. hadis 1718. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 3, 1343.

<sup>31</sup> Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 4, 5253.

<sup>32</sup> Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ al-Fatawā li Ibn Taymiyyah*, vol. 4 (Riyād: al-Mālik Fahd, 2004), 107-108.

ini adalah sesuatu yang sangat luas yang merangkumi perkara baik atau tidak baik. Namun *bid'ah* yang dimaksudkan di sini hanyalah *bid'ah* dari segi bahasa. Ia perlu diperincikan sama ada ia terletak di bawah kategori *hasanah* mahupun *dalālah* atau *bid'ah lughawi* mahupun *syar'i*.

Bagi mengetahui perbezaan antara *hasanah* mahupun *dalālah* atau *lughawi* mahupun *syar'i*, ia perlu dirujuk ke dalam neraca syarak sama ada ia selari ataupun tidak dengan kehendak syarak. Sekiranya ia bertentangan dengan kehendak syarak, maka perkara tersebut dianggap sebagai yang *dalālah* atau *bid'ah syar'i* yang dilarang. Adapun sekiranya ia selari dengan kehendak syarak, ia hendaklah dikategorikan sebagai *bid'ah hasanah* atau *bid'ah lughawī*.

Pengkaji melihat di dalam aspek ini, mereka hanya berselisih dari sudut penggunaan lafaz bahasa. Adapun perselisihan di dalam menentukan sesuatu perkara itu selari atau tidak dengan kehendak syarak, ia termasuk di dalam perkara-perkara *khilāfiyyah*.

## **KONSEP AL-TARK DALAM HUKUM ISLAM**

*Al-Tark* dari segi bahasa membawa maksud sesuatu yang ditinggalkan oleh seseorang.<sup>33</sup> Manakala dari segi syarak, ia bermaksud memalingkan diri dari melakukan sesuatu, sama ada dengan tujuan atau tanpa tujuan.<sup>34</sup> Di dalam istilah syarak pula, *al-tark* bermaksud sesuatu yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sama ada dengan tujuan tertentu atau tanpa tujuan tertentu. Merujuk kepada makna *bid'ah* sebelum ini, ia sangat berkait rapat dengan perbincangan *al-tark*. Jika *bid'ah* difahami sebagai melakukan sesuatu perkara yang tidak mempunyai contoh atau bandingan daripada generasi awal (zaman Rasulullah SAW dan para sahabat RA), *al-tark* pula adalah sesuatu perkara yang ditinggalkan dan tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW. Terdapat satu sifat yang dikongsikan oleh kedua-dua istilah ini iaitu perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Terdapat dakwaan yang sering didengar, iaitu *لو كان خيرا لسبقونا إليه* yang bermaksud “*sekiranya perkara itu baik nescaya mereka iaitu para nabi,*

<sup>33</sup> ‘Alī Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rīfāt* (Bayrūt: Dar Kutub ‘Ilmiyyah, 1983).

<sup>34</sup> Quṭb Muṣṭafā Sanū, *Mu’jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, 2000), 132.

sahabat dan ulama salaf telah melakukannya.”<sup>35</sup> Dakwaan ini seringkali dijadikan hujah untuk menolak setiap perkara yang berlaku dalam masyarakat hari ini yang tidak pernah dilakukan oleh generasi salaf.

Justeru itu, timbul persoalan mengenai konsep *al-tark* ini iaitu, adakah sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW merupakan sesuatu yang dilarang secara mutlak? Persoalan ini dapat dirungkaikan sekiranya konsep *al-tark* dapat difahami dengan baik. Ini kerana, sesuatu yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW itu boleh dilihat melalui pelbagai aspek sebagaimana berikut:

- a) Meninggalkan sesuatu perkara disebabkan ia dilarang atau ditegah oleh syarak. Hal ini boleh dilihat dalam pelbagai contoh, seperti meninggalkan perbuatan maksiat, syirik, khurafat dan sebagainya. Terdapat pelbagai dalil daripada al-Quran mahupun hadis yang menjelaskan perkara-perkara ini. Kebiasaannya, dalil bagi perbuatan meninggalkan ini adalah disebabkan wujud tegahan yang disertai dengan penerangan atau ancaman bagi mereka yang melakukannya. Sebagai contoh larangan meminum arak dalam firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ  
وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

“Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: “Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya..”

(Surah al-Baqarah, 2: 219)

- b) Meninggalkan sesuatu perkara disebabkan ia bukan adat kebiasaan yang dilakukan. Sebagaimana peristiwa Rasulullah SAW telah dihidangkan dan dipelawa untuk makan *dhab*, Rasulullah SAW menolak pelawaan tersebut, namun baginda tidak melarang sahabat-sahabat daripada memakan makanan tersebut. Kisah ini direkodkan oleh Bukhari dan Muslim:

عن خالد بن الوليد أنه دخل مع رسول الله صلى الله عليه وسلم بيت  
ميمونة فأتي بضب مخنوذ فأهوى إليه رسول الله صلى الله عليه وسلم بيده  
فقال بعض النسوة أخبروا رسول الله صلى الله عليه وسلم بما يريد أن  
يأكل فقالوا هو ضب يا رسول الله فرفع يده فقلت أحرام هو يا رسول

<sup>35</sup> Kata-kata ini diungkapkan oleh Ibn Kathīr di dalam menghuraikan makna *bid'ah* ketika menafsirkan Surah al-Ahqaf 46: 10-14. Ismā'il Ibn 'Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, vol. 7 (Bayrūt: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 1419), 256.

الله فقال لا ولكن لم يكن بأرض قومي فأجدي أعافه قال خالد فاجترته فأكلته ورسول الله صلى الله عليه وسلم ينظر

*“Daripada Khalid Ibn al-Walid, bahawasanya beliau masuk bersama Nabi SAW ke rumah Maimunah dan dihidangkan dengan Dhab yang dipanggang. Lalu Rasulullah SAW menghulurkan tangannya untuk mengambilnya, kemudian ada orang berkata: “Ini daging dhab”, lalu terus baginda mengangkat tangannya. Lalu Khalid bertanya: Adakah ia haram? Baginda SAW bersabda: Tidak, tetapi binatang ini tidak ada di negeri kaumku. Lantas aku tidak berselera. Lalu Khalid mengambil dan memakannya sambil dipandang oleh Nabi SAW.”*<sup>36</sup>

- c) Meninggalkan sesuatu yang dibimbangi menjadi kewajiban kepada umat Islam lantas membebaskan umatnya. Hal ini boleh dilihat melalui peristiwa solat malam pada bulan Ramadan secara berjamaah. Pada awalnya, Rasulullah SAW melazimi solat tersebut untuk beberapa malam. Kemudian, baginda meninggalkannya kerana baginda bimbang solat tersebut diwajibkan ke atas setiap orang Islam. Kisah ini juga telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dalam sahihnya:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم خرج ليلة من جوف الليل فصلى في المسجد وصلى رجال بصلاته فأصبح الناس فتحدثوا فاجتمع أكثر منهم فصلى فصلوا معه فأصبح الناس فتحدثوا فكثر أهل المسجد من الليلة الثالثة فخرج رسول الله صلى الله عليه وسلم فصلى فصلوا بصلاته فلما كانت الليلة الرابعة عجز المسجد عن أهله حتى خرج لصلاة الصبح فلما قضى الفجر أقبل على الناس فتشهد ثم قال أما بعد فإنه لم يخف علي مكانكم ولكني خشيت أن تفترض عليكم فتعجزوا عنها فتوفي رسول الله صلى الله عليه وسلم والأمر على ذلك

*“Sesungguhnya Rasulullah SAW keluar pada suatu pertengahan malam. Baginda solat di masjid (Masjid Nabawi). Beberapa orang mengikut solat baginda. Paginya orang ramai pun bercerita mengenainya. Maka berkumpul lebih ramai lagi (pada malam kedua), baginda pun solat, mereka solat bersama baginda. Paginya orang ramai pun bercerita. Maka bertambah*

<sup>36</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, *Bāb Dhab*, no. hadis 5537. Hadis riwayat Muslim, *Bāb Ibahah al-Dhab*, no. hadis 1945. Lihat Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 7, 97; Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 3, 1543.

*ramai ahli masjid pada malam ketiga. Rasulullah SAW keluar bersolat, mereka solat bersama baginda. Apabila malam keempat, masjid menjadi tidak muat dengan orang yang hadir. (Baginda tidak keluar) Sehingga baginda keluar pada solat subuh. Selesai solat subuh, baginda mengadap orang ramai, baginda bersyahadah dan bersabda: Sesungguhnya bukan aku tidak tahu penantian kamu, tetapi aku bimbang difardukan ke atas kamu lalu kamu tidak mampu. Keadaan tersebut berkekalan sehinggalah Rasulullah SAW wafat.”<sup>37</sup>*

- d) Meninggalkan sesuatu perkara disebabkan baginda tidak terlintas untuk melakukannya. Hal ini boleh dilihat melalui kisah para sahabat yang membina mimbar untuk Rasulullah SAW berkhotbah menggantikan mimbar yang lama dari pohon tamar kerana umat Islam semakin ramai.<sup>38</sup>
- e) Meninggalkan sesuatu disebabkan *maṣlahah* umat. Antara contohnya adalah hadis yang menceritakan mengenai binaan Kaabah. Kisah ini direkodkan melalui hadis Nabi SAW kepada ‘Aisyah RA dengan mengatakan:

لولا حداثة قومك بالكفر لنقضت البيت ثم لبنيته على أساس إبراهيم  
عليه السلام فإن قريشا استقصرت بناءه

*“Seandainya bukan kerana kaumku baru masuk Islam, nescaya aku akan robohkan kaabah dan kemudian membinanya kembali*

<sup>37</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī dalam *Bāb Faḍl Man Qama Ramaḍān*, no. hadis 2012. Hadis riwayat Muslim dalam *Bāb al-Targhīb fī Qiyām Ramaḍān*, no. hadis 761. Lihat Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 3, 45; Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 1, 524.

<sup>38</sup> Kisah ini diriwayatkan di dalam pelbagai periwayatan yang mengisahkan mengenai tangisan batang tamar tempat Rasulullah SAW selalu berkhotbah di sisinya digantikan dengan mimbar baru yang dicadangkan oleh para sahabat. Setelah mendengar tangisan tersebut Rasulullah SAW memujuknya dan memberinya pilihan sama ada untuk ditanam semula atau didoakan untuk berada di syurga kelak. Batang tamar tersebut memilih untuk berada di syurga. Riwayat al-Bukhārī dalam *Bāb ‘Alamat al-Nubuwwah fī al-Islām*, no. hadis 3583, 3585. Riwayat al-Tirmidhī dalam *Bāb Ma Ja’a Khuṭbah ‘Ala Minbar*, no. hadis 505. Beliau mengatakan bahawa hadis ini hasan sahih. Riwayat al-Darimi dalam *Bāb Ma ‘Ukrima al-Nabi SAW*, no. hadis, 36-42. Lihat Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 4, 195; Muḥammad Ibn Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 2, 379; Al-Darimi, *Sunan al-Darimi*, 1:180-184. Al-Haythami, *Majma’ al-Zawa’id wa Manba’ al-Fawa’id*, 180-182.

dengan binaan Nabi Ibrahim AS, sesungguhnya kaum Quraisy telah membangun binaan kaabah lebih rendah.”<sup>39</sup>

Hal ini terjadi kerana baginda bimbang kaum Quraisy akan kembali semula kepada kekufuran sekiranya kaabah dirobohkan.

- f) Meninggalkan sesuatu disebabkan ia merupakan sesuatu perkara yang bebas untuk dilakukan atau ditinggalkan. Sebagai contoh perkara-perkara sunat seperti memperbanyakkan sedekah, zikir, solat-solat sunat dan lain-lain. Hal ini termasuk dalam umum firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَعِبُدُوا رَبَّكُمْ وَأَقْعُلُوا  
الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta lakukanlah amal-amal kebajikan, supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)..”

(Surah al-Hajj, 22: 77)

- g) Meninggalkan sesuatu disebabkan terlupa. Ia merupakan perkara yang normal bagi setiap manusia bersifat dengan sifat lupa. Rasulullah SAW pernah solat dengan rakaat yang kurang disebabkan terlupa bilangan rakaat ketika solat. Kemudian, baginda menambah bilangan rakaat yang tertinggal serta diikuti dengan sujud sahwi.<sup>40</sup>
- h) Meninggalkan sesuatu disebabkan ia perkara *khususiyah* kepada baginda dan kaum keluarga baginda sahaja. Hal ini boleh dilihat melalui tindakan Rasulullah SAW yang melarang kaum keluarganya menerima sedekah dan meninggalkan memakan harta sedekah dan zakat.<sup>41</sup>

<sup>39</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī dalam *Bāb Fadl Makkah wa Bunyanaha*, no. hadis 1585. Hadis riwayat Muslim dalam *Bāb Naqdu Ka'abah wa Bina'uha*, no. hadis 1333. Lihat Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 2, 146; Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 2, 968.

<sup>40</sup> Kisah ini diriwayatkan di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Bāb Hal Yakhuz al-Imam Idha Syak biqawl al-nas?*, no. hadis 714. Riwayat Muslim dalam *Bāb al-Sahwi di Solat wa al-Sujud lahu*, no. hadis 573. Lihat Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1, 144; Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 1, 404.

<sup>41</sup> Abī Ishāq Ibrahim al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab fī al-Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Qalam, 1992), 575, 576.

- i) Meninggalkan sesuatu perkara bagi menyatakan bahawa meninggalkan perkara tersebut adalah sunnah. Perkara ini boleh dilihat melalui pensyariatannya sesuatu amalan seperti Rasulullah SAW meninggalkan solat dan mandi jenazah bagi orang yang mati syahid.<sup>42</sup> Begitu juga Rasulullah SAW meninggalkan azan dan iqamah ketika mengerjakan solat hari raya.<sup>43</sup> Aspek ini telah dikategorikan oleh sesetengah ulama dalam kategori sunnah *tarkiyah*.<sup>44</sup>

Kesemua contoh yang diberi meliputi semua bab kecuali akidah. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa setiap perbuatan Rasulullah SAW itu mempunyai sebab dan tujuan tersendiri. Rasulullah SAW sendiri tidak melakukan semua perkara dalam kehidupan baginda disebabkan keterbatasan masa dan sifat sebagai seorang manusia. Baginda Rasulullah SAW masih mempunyai tanggungjawab harian yang lain serta keperluan asasi sebagai seorang manusia. Sungguhpun begitu, baginda merupakan orang yang paling bertaqwa dalam mentaati Allah SWT. Baginda juga merupakan ketua agama Islam, ketua negara, ketua panglima perang, sumber rujukan utama dalam segala permasalahan yang berlaku dan lain-lain lagi. Justeru, mustahil baginda dapat melaksanakan semua amalan secara berterusan melainkan kewajipan khusus sebagai seorang Rasul seperti melakukan *qiyam* pada setiap malam.<sup>45</sup> Ini merupakan salah satu hikmah Allah SWT dalam melantik utusanNya untuk menyampaikan risalah agama Islam dari kalangan umat manusia itu sendiri.

Ibn Daqīq di dalam mengulas hal ini menyatakan, *al-tark* tidak menunjukkan sesuatu perkara itu ditegah atau dilarang di dalam agama.<sup>46</sup> Shaykh ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Ṣiddiq al-Ghumārī pula telah mengulas permasalahan ini, di awal penulisan beliau, dengan ungkapan bait-bait syair:<sup>47</sup>

<sup>42</sup> Abī Ishāq Ibrahim al-Shirazī, *al-Muhadhdhab fī al-Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 1, 392.

<sup>43</sup> Abī Ishāq Ibrahim al-Shirazī, *al-Muhadhdhab fī al-Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 1, 441.

<sup>44</sup> *Sunnah Tarkiyah* merujuk kepada perkara yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW atas alasan untuk menjadikan ianya sunnah. Muḥammad Rabhī Muḥammad Millah, ‘al-Tark ‘Inda Uṣūliyyīn’ (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan al-Najah, Palestin, 2010), 26-27.

<sup>45</sup> Muḥammad Ibn ‘Azzuz, *Arba‘una Ḥadīthan fī al-Tahajjud wa Qiyām al-Layl* (Bayrūt: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah, 2002), 40.

<sup>46</sup> Taqī al-Dīn Ibn Daqīq al-‘Id, *Iḥkām al-Aḥkām Sharḥ ‘Umdah al-Aḥkām*, vol. 1 (Qāhirah: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadiyah, t.t.), 182.

<sup>47</sup> ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Ṣiddiq al-Ghumārī, *Husn al-Tafahhum wa al-Dark li Mas‘alah al-Tark* (Qāhirah: Maktabah al-Takhsīsiyyah li Radd ‘alā al-Wahābiyyah, 2002), 3.



الترك ليس بحجة في شرعنا \*\*\* لا يقتضي معنا ولا إيجاباً  
فمن ابتغى حظراً بترك نبينا \*\*\* ورآه حكماً صادقاً وصواباً  
قد ضل عن نهج الأدلة كلها \*\*\* بل أخطأ الحكم الصحيح وخاب  
لا حظريمكن إلا إن نهي أتى \*\*\* متوعداً لمخالفه عذاباً  
أو ذم فعل مؤذن بعقوبة \*\*\* أو لفظ تحريم يواكب عاباً

*Al-Tark bukanlah hujah dalam syariat kita \*\*\* Tidak dianggap larangan mahupun kewajipan.*

*Maka sesiapa yang melarang sesuatu perbuatan dengan alasan al-tark Nabi SAW \*\*\* Kemudian berpendapat ianya satu hukum yang benar dan tepat,*

*Sesungguhnya beliau telah menyimpang dari manhaj pendalilan seluruhnya \*\*\* Bahkan beliau telah menyalahkan satu hukum yang benar dan beliau telah gagal.*

*Tidak ada pelanggaran hukum yang berlaku melainkan ianya dilarang, lagi didatangkan \*\*\* Ancaman seksaan bagi yang menyalahinya.*

*Atau kecaman terhadap sesuatu perbuatan dan disertai dengan suatu hukuman \*\*\* Atau lafaz pengharaman terhadap perkara yang dicela.*

Bait-bait syair ini menjelaskan bahawa *al-tark* bukanlah merupakan satu sandaran hukum di dalam Islam. *Al-Tark* semata-mata tidak membawa pengertian wajib, haram dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sekiranya ia disandarkan dengan ancaman, maka ini menunjukkan bahawa perkara yang ditinggalkan itu adalah haram. Manakala, sekiranya ia disandarkan dengan ganjaran jika meninggalkannya, maka ia dihukumkan sama ada wajib ditinggalkan (haram) atau sunat ditinggalkan (makruh).

Kesempurnaan Islam itu sendiri diperlihatkan melalui satu kaedah yang sempurna dalam perletakkan sesuatu hukum. Rasulullah SAW telah meletakkan asas yang kukuh bagi setiap perkara yang disyariatkan. Melalui asas ini, setiap perkara itu disandarkan kepada asas pensyariatkan hukum yang lima (hukum *taklifi*) iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.<sup>48</sup> Kekeliruan

<sup>48</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2005), 53-93.

di dalam memahami asas hukum ini seperti meletakkan perkara sunat ditempat wajib, makruh di tempat yang haram, bakal membawa kepada pemahaman yang tidak tepat di dalam memahami kehendak syariat.

## **PERSAMAAN DAN PERBEZAAN *BID'AH* DAN *AL-TARK* DI DALAM HUKUM ISLAM**

Secara sekilas pandang, tidak terdapat perbezaan yang jelas di antara *al-tark* dan *bid'ah*. Ini kerana, kedua-duanya melibatkan perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW. Namun, disebabkan banyak hadis yang melarang amalan *bid'ah*, tetapi tidak terdapat satu dalil atau kaedah yang menyatakan *al-tark* itu menunjukkan hukum haram, maka perlu diletakkan perbezaan di antara istilah-istilah *bid'ah ḍalālah*, *ḥasanah* dan juga *al-tark*.

Dua aspek di bawah merupakan persamaan di antara *bid'ah* dan *al-tark*:

- a) Kedua-duanya adalah perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW.
- b) *Bid'ah ḥasanah* dan *al-tark* tidak berlaku di dalam perkara-perkara yang melibatkan asas-asas agama seperti akidah dan sesetengah ibadah (*mahḍah*).

Manakala, dua aspek ini pula merupakan perbezaan di antara *bid'ah* dan *al-tark*:

- a) *Al-Tark* tidak boleh dijadikan sandaran di dalam menetapkan sesuatu hukum melainkan diperjelaskan sebab terjadinya *al-tark*. Sedangkan *bid'ah ḍalālah* adalah perkara yang haram dan ditegah sama sekali untuk melakukannya.
- b) *Bid'ah ḍalālah* boleh berlaku dalam perkara yang melibatkan asas-asas agama seperti akidah dan juga ibadah-ibadah yang utama seperti bilangan rakaat solat fardu, puasa di bulan Ramadan, waktu mengerjakan haji dan sebagainya. Ini berbeza dengan *al-tark* kerana ia tidak boleh meletakkan satu hukum bagi perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara asas dalam agama.

## **KESIMPULAN**

Kekeliruan di dalam memahami hukum Islam merupakan sesuatu yang sangat berbahaya. Ini kerana, ia bakal mendatangkan fitnah kepada agama Islam sehingga mengakibatkan agama Islam dilihat sangat tertutup dan terbatas kepada dunia arab semata-mata. Ini bertentangan dengan peradaban Islam itu sendiri sudah merentasi segenap dunia dan pelbagai budaya. Rasulullah SAW yang merupakan sebaik-baik makhluk yang Allah SWT jadikan dan yang paling

bertakwa disisinya, tidak dapat melakukan semua perkara sepanjang hayat baginda. Hal ini berikutan keterbatasan diri baginda sebagai seorang manusia yang mempunyai kepelbagaian tanggungjawab. Namun, ini tidak bermakna Islam itu bersifat “kurang” kerana Allah SWT telah meletakkan kesempurnaan kepada agama Islam itu sendiri dan juga kesempurnaan kepada diri Rasulullah SAW sebagai penutup segala Nabi dan contoh ikutan tauladan yang terbaik sepanjang zaman. Kesempurnaan ini telah dapat dicapai melalui prinsip-prinsip kukuh yang telah digariskan oleh Rasulullah SAW sebagaimana yang terkandung di dalam dua peninggalan utamanya iaitu al-Quran dan Sunnah. Di dalamnya, terletak segala petunjuk dan penyelesaian bagi setiap permasalahan yang berlaku di dalam agama yang mulia ini.

## RUJUKAN

- ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Ṣiddiq al-Ghumārī, *Husn al-Tafahhum wa al-Dark li Mas’alah al-Tark* (Qāhirah: Maktabah al-Takhsīsiyyah li Radd ‘alā al-Wahābiyyah, 2002).
- ‘Abd al-Raḥmān bin Shihāb al-Dīn, *Jami’ al-‘Ulūm wa al-Hikām* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2008).
- ‘Alī Ibn Aḥmad Ḥazm al-Zāhirī, *Rasā’il Ibn Ḥazm al-Andalusī*, vol. 4 (Bayrūt: Mu’assasah al-‘Arabiyyah, 1983).
- ‘Alī Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rīfāt* (Bayrūt: Dar Kutub ‘Ilmiyyah, 1983).
- ‘Izz al-Dīn Ibn ‘Abd al-Salām, *al-Qawā’id al-Kubrā* vol. 2 (Dimashq: Dār al-Qalam, 2010).
- Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Majmū’ al-Fatawā li Ibn Taymiyyah*, vol. 4 (Riyāḍ: al-Mālik Fahd, 2004).
- Abī Dāwūd Sulayman Ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī al-‘Azdī, *Sunan Abī Dāwūd*, vol. 4 (Bayrūt: Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t.).
- Abī Ishāq Ibrahim al-Shirazī, *al-Muhadhdhab fī al-Fiqh al-Imām al-Shāfi’ī*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Qalam, 1992).
- Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Nahmī al-Shaṭībī, *al-I’tisām* (Bayrūt: al-Maktabah al-‘Asriyyah, 2005).
- Abū Zakariya Muḥy al-Dīn al-Nawawī, *Tadhīb al-Asmā’ wa al-Lughat*, vol. 3 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Manāqib al-Shāfi’ī*, vol. 1 (Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.).

- Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 4 (Riyād: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, 2000).
- Aḥmad Ibn Idris Shihāb al-Dīn al-Qarrāfī, *al-Furūq*, vol. 4 (Qāhirah: Dār al-Salām, 2001).
- Ismā‘il Ibn ‘Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*, vol. 7 (Bayrūt: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419).
- Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūfī, *al-Amr bi al-Ittibā‘ wa Nahy ‘an al-Ibtidā‘* (Bayrūt: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988).
- Al-Jawzī, Abū Farḥ ‘Abd al-Raḥmān, *Talbis Iblis* (Bayrūt: Dār Qalam, 1403H).
- Majd al-Dīn Muḥammad Ibn Ya‘qūb al-Fīrūzabadī, *al-Qamūs al-Muḥīṭ* (Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2008).
- Muḥammad al-Zarqanī, *Sharḥ al-Muwattā‘ al-Imām Mālik*, vol. 2 (t.t.: Maṭba‘ah al-Khayriyyah, t.t.).
- Muḥammad Amīn Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥtār ‘ala al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992).
- Muḥammad Ibn ‘Azzuz, *Arba ‘una Ḥadīthan fī al-Tahajjud wa Qiyām al-Layl* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2002).
- Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (t.t.: Dār Ṭūq al-Najāt, 1422).
- Muḥammad Ibn Mukarram al-Ifriqī Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 8 (Bayrūt: Dār al-Ṣādir, 1300).
- Muḥammad Ibn Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 5 (Miṣr: Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1975).
- Muḥammad Rabhī Muḥammad Millah, ‘al-Tark ‘Inda Uṣūliyyīn’ (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan al-Najah, Palestin, 2010).
- Muḥammad Sulayman ‘Abd Allāh al-Ashqār, *Zubdah al-Tafsīr min Fath al-Qādir* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1988).
- Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Bayrūt: Dār al-Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2010).
- Naziḥ Maḥmūd ‘Afwan Maḥmūd, ‘Dawābiṭ wa Qawā‘iduha al-Uṣūliyyah wa al-Fiqhiyyah’ (Disertasi Sarjana, Jami‘ah al-Najah al-Waṭaniyyah, 2009).
- Quṭb Muṣṭafā Sanū, *Mu‘jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, 2000).
- Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsīr Pimpinan ar-Rahman* (Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd, 2010).

- Shihāb al-Dīn Abū Ṣamah, *al-Bā'ith 'ala Inkar al-Bidā' wa al-Ḥawādith* (Mekah: Nahḍah al-Ḥadīthah, 1981).
- T.p., *al-Mu'jam al-Wāṣiṭ* (Qāhirah: Jumhūriyyah Miṣr al-'Arabiyyah, 2010).
- Taqī al-Dīn Ibn Daqīq al-'Id, *Iḥkām al-Aḥkām Sharḥ 'Umdah al-Aḥkām*, vol. 1 (Qāhirah: Maṭba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyah, t.t.).
- Wahbah al-Zuḥaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2005).
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, vol. 8 (Kuwait: Wizārah al-Awqāf, 1986).

